



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**


**28 FEBRUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 2,174 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 339,554 kes. Sebanyak 11 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Penampang dan masing-masing satu (1) kes di daerah Ranau, Nabawan, Kudat, Beaufort, Keningau dan Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 4,312 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 288,335 orang. Manakala 1,739 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,105 orang di hospital, 622 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 11 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 78 orang merangkumi 64 di ICU/repurposed kritikal care serta 14 di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 28 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 105 (30.97%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian di Sabah terus mencatat penurunan dan hari ini merekodkan penyusutan 700 kes berbanding semalam. Jumlah angka jangkitan baharu hari ini ialah 2,174 kes.
- b. Sebanyak tujuh (7) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka dengan Kota Kinabalu mengekalkan kes tertinggi sebanyak 555 kes, diikuti oleh Penampang 252 kes, Putatan 223 kes, Papar 204, Tuaran 181 kes, Keningau 105 kes dan Kota Belud 101 kes. Sejumlah 17 daerah lagi mencatatkan kes dua (2) angka, dua (2) daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan Semporna menjadi daerah tunggal yang tidak mencatatkan sebarang kes baharu pada hari ini.
- c. Sungguhpun kes harian telah berkurangan pada jumlah yang agak besar tetapi peratusan kes sporadik masih tinggi iaitu 62.74% yang boleh mencetus peningkatan kes-kes baharu bila bila masa. Penyusutan jumlah kes harian juga disebabkan oleh jumlah ‘backlogs’ yang semakin berkurangan dalam statistik harian beberapa daerah seperti Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan.
- d. Sejumlah 2,150 atau 98.90% daripada 2,174 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, lapan (8) kes dalam Kategori 3, 10 kes dalam Kategori 4 dan enam (6) kes dalam Kategori 5.
- e. Setakat ini, PICKids Sabah telah berjaya melaksanakan pemberian vaksin kepada 45,381 kanak-kanak daripada 411,400 kanak-kanak berumur antara 5-11 tahun yang layak divaksin. Sebanyak 246 kes hari ini melibatkan kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang belum divaksin, dengan 121 daripadanya merupakan kanak-kanak yang belum layak mendapat vaksin (bawah umur 5 tahun).

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	2	0.09%
2	Kontak	615	28.29%
3	Bergejala	1,364	62.74%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	193	8.87%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,174</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 27/02/2022	Catatan Kes 28/02/2022	Perbandingan
1	Papar	151	204	+53
2	Putatan	210	223	+13
3	Ranau	33	39	+6
4	Kinabatangan	18	22	+4
5	Kalabakan	4	6	+2
6	Beaufort	60	61	+1
7	Kuala Penyu	38	38	Mendatar
8	Kota Kinabalu	775	555	-220
3	Tuaran	324	181	-143
10	Tenom	160	49	-111
11	Tawau	127	70	-57
12	Tambunan	78	27	-51
13	Kota Belud	131	101	-30
14	Kota Marudu	60	32	-28
15	Sipitang	52	27	-25
16	Lahad Datu	59	38	-21
17	Penampang	272	252	-20
18	Keningau	120	105	-15
19	Sandakan	61	50	-11
20	Beluran	18	8	-10
21	Pitas	28	19	-9
22	Nabawan	17	10	-7
23	Kunak	19	13	-6
24	Kudat	21	16	-5
25	Telupid	19	15	-4
26	Semporna	3	0	-3
27	Tongod	16	13	-3
<b>JUMLAH</b>		<b>2,874</b>	<b>2,174</b>	<b>-700</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	120	396	0	39	555	15,112
Penampang	0	67	170	0	15	252	6,461
Putatan	0	71	144	0	8	223	3,143
Papar	0	35	159	0	10	204	4,315
Tuaran	0	88	80	0	13	181	5,281
Keningau	0	44	51	0	10	105	2,151
Kota Belud	1	31	54	0	15	101	2,308
Tawau	0	10	51	0	9	70	3,384
Beaufort	0	11	44	0	6	61	2,198
Sandakan	0	8	39	0	3	50	3389
Tenom	0	7	42	0	0	49	885
Ranau	0	17	16	0	6	39	1,595
Lahad Datu	0	5	17	0	16	38	2,158
Kuala Penyu	0	27	11	0	0	38	884
Kota Marudu	1	11	17	0	3	32	1,635
Sipitang	0	15	6	0	6	27	822
Tambunan	0	14	11	0	2	27	735
Kinabatangan	0	7	5	0	10	22	390
Pitas	0	12	3	0	4	19	591
Kudat	0	3	5	0	8	16	403
Telupid	0	4	10	0	1	15	533
Tongod	0	0	13	0	0	13	341
Kunak	0	3	7	0	3	13	469
Nabawan	0	2	6	0	2	10	470
Beluran	0	3	3	0	2	8	618
Kalabakan	0	0	4	0	2	6	90
Semporna	0	0	0	0	0	0	258
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>615</b>	<b>1,364</b>	<b>0</b>	<b>193</b>	<b>2,174</b>	<b>60,619</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Marudu	Kluster Jalan Kebulian	1
Kota Belud	Kluster Batu Enam Kota Belud	1
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,310unit

- Hospital 1,825 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,189 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 268 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 40.35%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 28 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,166
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
<b>Jumlah</b>	<b>2,174</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Korea Selatan	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,109
Bukan Malaysia	65
<b>Jumlah</b>	<b>2,174</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	121
Belum Menerima Vaksin (5-11)	125
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	143
Menerima 1 Dos	38
Lengkap 2 Dos	1,083
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	664
<b>Jumlah</b>	<b>2,174</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	27
1-4	94
5 -11	154
12-17	112
18-29	523
30-39	533
40-49	328
50-59	196
60-69	112
70-79	64
80-89	27
>90	4
<b>Jumlah</b>	<b>2,174</b>

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 27 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,513 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,872 orang adalah penduduk dewasa, 83 orang adalah penduduk remaja 2,558 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 27 Februari 2022 adalah seramai 2,503,412 orang. Ini meliputi 2,119,253 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.01% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,413,373 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,099,720 orang atau 77.29% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,778 orang atau 79.49% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,653 atau 73.59% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 45,381 atau 11.03% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **683,067** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
  - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 183 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 49 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 747 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 206 premis perniagaan dan 255 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis dan individu.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 70 Premis Perniagaan melibatkan 43 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 146 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 234 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 204 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.2%
2	Beluran	98.2%
3	Kinabatangan	98.2%
4	Tenom	98.1%
5	Lahad Datu	98.1%
6	Kota Marudu	98.1%
7	Semporna	98.1%
8	Beaufort	98.1%
9	Kota Kinabalu	98.1%
10	Keningau	98%
11	Kudat	98%
12	Kota Belud	98%
13	Sipitang	98%
14	Ranau	98%
15	Sandakan	98%
16	Penampang	97.8%
17	Tawau	97.8%
18	Tuaran	97.8%
19	Papar	97.8%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**